

TRANSKRIP TEMU BUAL PENJAGA 5

Syagir, Verbatim Temubual Penjaga 5, Rumah Syagir, (04.07.2013), (3:36)

1 S, TB, PG 5, RS, (04072013), (3:36)

2

3

Pengkaji

4

Assalamualaikum. Hari ini saya ingin menemubual tuan tentang Pendidikan Alam

5

Sekitar. Apakah yang tuan faham tentang Pendidikan Alam Sekitar?

6

Penjaga

7

Walaikumsalam , terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasihlah cikgu, di atas temu

8

bual berkenaan dengan Pendidikan Alam Sekitar. Apa yang saya faham segi Pendidikan

9

Alam Sekitar yang ini iaitu pembelajaran alam sekitar merangkumi inilah, dari segi

10

kebersihan, pencemaran udara, pencemaran sungai. Di mana yang alam sekitar inilah

11

kalau benda ini tak dijaga malah ini menyumbang kepada masalah kesihatanlah.

12

Pengkaji

13

Apakah pula penerapan Pendidikan Alam Sekitar?

14

Penjaga

15

Penerapan dalam alam sekitar ini pula yang saya nampaklah kita **tanamkan** sikap

16

cinta kepada jiwa anak-anak melalui cara pembelajaran secara berterusanlah di

17

peringkat sekolah rendah.

18

Pengkaji

19

Bagaimanakah cara tuan menerapkan pendidikan Alam Sekitar di kalangan

20

anak-anak?

21

Penjaga

22

Dengan cara, satu yang saya nampaklah kat rumah sayalah, dari segi macam

23

menasihati dengan menjaga alam sekitar, **membimbing** dia dengan mengambil contoh

24

macam buang sampah ke. Buang sampah pula dalam tong yang disediakan. Selepas itu

25

kalau ada pembakaran pula, biar pembakaran yang dikawallah. Selepas itu dari segi

26

pembersihan longkang itu, kita perlu ambil kira jugalah. Kalau longkang tersumbat,

27

daripada sampah-sampah tadi menyebabkan benda lain lagilah dari segi kotor,

28

menyumbang juga kepada faktor kesihatanlah seperti nyamuk aedes dan lain-lainlah.

29

Aaa.. dari segi menasihati, dari segi percakapan, nasihat untuk anak-anaklah.

30

Pengkaji

31

Apakah nilai-nilai murni yang tuan terapkan kepada anak-anak dalam menjaga

32

alam sekitar?

33

Penjaga

34

Di mana kita tanamkan untuk anak-anak agar punya rasa **tanggungjawab**

35

terhadap alam sekitar. Selepas itu mencintai dan bekerjasama dalam memastikan

36

persekitaran bersih dan selesa. Yang saya nampak dari segi itulah cikgu.

37

Pengkaji

38

Apakah masalah yang tuan hadapi semasa menerapkan Pendidikan Alam

39

Sekitar?

40

Penjaga

41

Aaaaa... yang itu yang saya nampak dari segi macam **kekangan masa**. Sebab saya pun

42

sibuk dengan kerja Cuma hujung minggu saja dapat bersama dengan budak-budaklah.

43

Jadi, yang itulah yang saya nampak sedikitlah dari segi kekangan masa. Satu lagi

44

jumlah budak pula banyak dia punya aktivitilah di sekolah-sekolah, aktiviti harian dari

45

49 segi masa hujung minggu. Jadi dari situlah kita nampaknya dari segi, itulah yang saya
50 nampak ada hadapi masalah sedikitlah. Tapi walau bagaimanapun, kita cuba terapkan
51 jugalah dari apa, ada masa yang ini, waktu malam pun kita akan terap juga.